



Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

Tangani berita palsu

Satu kajian oleh penyelidik di Institut Teknologi Massachusetts (MIT), Amerika Syarikat (AS) merumuskan berita palsu lebih cepat tersebar di Internet berbanding yang sahih. Daripada 126,000 berita palsu dalam Twitter pada 2016 dan 2017, semua berita palsu itu di tweet oleh tiga juta hingga 4.5 juta kali sepanjang tempoh berkenaan. Malah kajian itu juga mendapati kira-kira 70 peratus maklumat palsu disebarluaskan lebih banyak berbanding berita benar terutama pada peristiwa besar seperti kempen pemilihan Presiden AS. Lebih mengjutkan apabila didedahkan berita benar mengambil masa enam kali lebih lama untuk disampaikan dan penyelidik merumuskan berita palsu dapat tersebar kerana ia mengujakan berbanding maklumat sebenar.

Hasil kajian ini mengesahkan betapa penyebaran berita palsu adalah masalah global dan kita wajar berhati-hati dengan masalah ini di negara kita serta ambil peduli tentang kesannya kepada negara dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Justeru sudah tiba masanya untuk semua pihak secara serius memikirkan pendekatan yang agresif dan proaktif untuk menangani masalah penyebaran dan kesan berita palsu.

Pada era sebelum Internet atau sebelum kemunculan pelbagai media baru yang berpunca daripada ledakan teknologi maklumat, kita banyak bergantung kepada media tradisional seperti akhbar ber cetak serta televisyen untuk mendapatkan sesuatu maklumat atau berita. Pada era itu oleh kerana media yang ada agak terhad maka ruang penyebaran berita palsu juga amat terhad, malah agak mudah untuk dikawal dan dikekang kerana pihak media cetak dan elektronik dapat menapis semua berita yang mereka keluarkan.

Namun suasana tersebut sudah semakin berubah apabila munculnya Internet yang mencetuskan pelbagai media baru yakni media sosial seperti Facebook, Twiter, Instagram dan juga aplikasi WhatsApp yang mana dunia tanpa sempadan ini menyebabkan sesuatu berita yang disebarluaskan untuk tatapan umum tidak dapat ditapis mahupun dikawal begitu saja. Ini bukan bermakna kita mahu sekut dan kawal Internet atau menyekat hak kebebasan bersuara tetapi fokus kita adalah kepada berita palsu yang disebarluaskan tanpa rasa tanggungjawab pihak yang ada kepentingan dan agenda peribadi.

Walaupun kita ada agensi seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di samping pihak polis, namun perlu sedar betapa sukaranya untuk memantau setiap maklumat yang disebarluaskan dalam Internet kerana

harus diingat bilangan pengguna Internet cukup ramai begitu juga bilangan akaun media sosial. Apa yang berlaku sekarang ialah apabila sesuatu berita palsu sudah tular dan ada pihak yang membuat laporan barulah pihak berkuasa dapat bertindak sama ada menyekat kandungan berita berkenaan mahupun mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang menyebarkan berita palsu terbabit. SKMM merekodkan siasatan terhadap 40 kes membabitkan penyebaran berita dan maklumat palsu pada tahun lalu dan daripada jumlah tersebut empat kes didakwa di mahkamah.

Penyebar berita palsu ini boleh dikategorikan kepada beberapa kelompok mengikut kepentingan masing-masing. Kelompok yang paling biasa dan ramai yang tidak mempunyai apa-apa motif negatif ialah kelompok yang dikenali sebagai wartawan ekspres atau wartawan tidak bertauliah. Mereka ini mungkin tidak ada apa-apa niat untuk memudaratkan mana-mana pihak secara sengaja sebaliknya mereka bertindak menyebarkan sesuatu berita itu sepantas kilat hanya untuk mendapat gelaran orang pertama yang menyebarkannya.

Tanpa menyedari kesan negatif kandungan berita yang disebarluaskan, mereka bertindak

menularkan apa saja informasi yang mereka perolehi kononnya untuk menjadi orang pertama yang memaklumkan masyarakat tentang sesuatu perkara tersebut. Kelompok ini amat jarang menilai, meneliti serta mengesahkan terlebih dahulu kesahihan sesuatu berita yang mahu ditularkan. Akhirnya tindakan melulu tanpa berfikir panjang ini mengundang pelbagai kemudaratkan kepada masyarakat dan juga negara. Malah tindakan mereka ini juga boleh menyebabkan diri mereka diburu oleh pihak berkuasa.

Kelompok berikut ialah golongan individu atau kumpulan yang mempunyai agenda dan tujuan tertentu, mereka ini amat jelas dengan apa yang mereka lakukan. Segala berita palsu yang disebarluaskan oleh kumpulan ini sememangnya dirancang dengan teliti supaya menuju kumpulan sasaran serta memberikan impak yang mereka mahukan. Misalnya ada dalam kalangan mereka yang bermotifkan politik iaitu menyebarkan pelbagai berita palsu tentang parti lawan untuk mencetuskan rasa benci dalam kalangan rakyat dan ada juga yang bermotifkan sengaja mahu memecahbelahkan perpaduan rakyat dengan menyebarkan pelbagai berita palsu yang menyentuh isu sensitif seperti

agama dan bangsa.

Siapapun mereka dan apapun motif mahupun tujuan mereka, satu perkara yang perlu kita fahami ialah semua berita palsu yang disebarluaskan pasti akan memberi kesan negatif dan akhirnya boleh memudaratkan kehidupan masyarakat, merosakkan demokrasi dan menghancurkan negara. Hal ini kerana berita palsu boleh memberi kesan yang mendalam kepada kehidupan masyarakat kita dalam pelbagai aspek. Antaranya dari segi perpaduan kaum. Penyebaran pelbagai berita palsu tentang isu sensitif membabitkan perpaduan kaum dilihat mula mencetuskan sedikit tekanan dan ketegangan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita.

Misalnya pernah disebarluaskan sebelum ini berita palsu kononnya ada berlaku percaduhan kaum di beberapa tempat yang tular dalam media sosial dan aplikasi WhatsApp. Ini pastinya satu persekitaran yang kurang sihat kepada masyarakat kita yang berbilang agama dan bangsa. Bayangkan jika ada anggota masyarakat yang percaya bulat-bulat semua yang mereka baca dalam media sosial seperti kes sensitif ini. Bukanakah ini boleh menjadi provokasi yang bakal mencetuskan ketegangan kaum di

negara kita. Jelasnya penyebaran berita palsu seperti ini boleh meruntuhkan kerukunan hidup dan keharmonian masyarakat majmuk yang kita banggakan selama ini. Ia juga sekali gus mengancam keselamatan negara.

Selain itu, mutakhir ini juga terlalu banyak laman web serta akaun Facebook dan Twiter palsu tumbuh bagai cendawan menjelang musim pilihan raya. Kebanyakan daripada akaun palsu ini dengan jelas bertujuan untuk menyebarkan pelbagai fitnah bagi mengaburi mata dan mempengaruhi masyarakat supaya membenci sesuatu pihak ataupun tidak mengundi parti tertentu. Penyebaran pelbagai fakta yang tidak betul dan palsu dilihat mula mempengaruhi pengundi terutama generasi muda yang taat dan mudah percaya dengan berita di media sosial.

Jadi dalam konteks ini kita menyokong penuh keputusan kerajaan untuk mewujudkan Undang-undang Antiberaita Tidak Benar bagi membendung penyebaran berita palsu di negara ini. Dalam hal ini kita juga berharap agar masyarakat akan lebih sensitif dan peka dengan sesuatu berita yang diterima dan dibaca dalam internet kerana tidak semua yang disebarluaskan itu sahih, benar dan tepat.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**